Tidak suka pada ibu tiri

KAUNSELING REMAJA
Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya berusia 22 tahun dan masih menuntut di sebuah kolej di ibu kota. Saya anak keempat daripada lima beradik. Walaupun keluarga saya dikira ramai, hidup saya tetap sunyi.

Untuk pengetahuan Dr, sudah setahun saya tidak pulang ke rumah kerana terguris dengan sikap ayah dan ibu tiri.

Ibu kandung meninggal sewaktu saya berada di tingkatan tiga. Selepas ketiadaan ibu, ayah bertungkus-lumus memikul tanggungjawab menjaga keluarga.

Bagaimanapun, selepas lima tahun menduda, ayah mengambil keputusan berkahwin lagi dengan seorang wanita Indonesia.

Perkahwinan itu mendatangkan perasaan benci dalam kalangan kami adik-beradik serta mendapat tentangan hebat. Ibu tiri seolah-olah merampas kasih sayang dan kebahagiaan kami.

Sejak melanjutkan pengajian, saya memang jarang pulang ke rumah kerana merasa kurang senang dengan kehadiran ibu tiri. Lagipun, hanya adik bongsu saya yang tinggal. Jika saya pulang, pertengkaran kecil pasti meletus dengan ayah.

Untuk mengelak keadaan bertambah buruk, saya tidak pulang ke rumah sejak tahun lalu.

Minggu lalu, ayah ada menelefon dan bertanya bila saya mahu pulang ke rumah tapi saya memberikan pelbagai alasan. Saya tahu ayah kecewa dan sedih.

Saya juga merindui ayah namun apabila teringatkan ibu tiri, hati saya menjadi tepu.

TIDAK KERUAN,
Kuala Lumpur

! Melihat situasi adik yang memiliki ibu tiri, boleh difahami mengapa adik berdepan konflik itu. Namun pada masa sama, adik perlu memahami dan melihat sesuatu perkara dari sudut pandangan berbeza supaya lebih bersifat terbuka.

Tidak dinafikan, mempunyai ibu tiri boleh mengundang pelbagai tanggapan namun ia boleh ditangani dengan menerima kenyataan apa yang berlaku itu ada hikmahnya.

Konflik adik sebenarnya banyak berhubung kait dengan kasih sayang, rasa tidak disayangi serta beberapa keperluan emosi yang tidak dipenuhi.

Adik marah pada ayah dan benci pada ibu tiri apatah lagi ibu tiri itu adalah wanita luar. Adik sukar menerima kenyataan bahawa ayah sudah berkahwin baru. Adik seolah-olah tidak mahu melepaskan kenangan bersama ayah dan keluarga terutama arwah ibu yang sudah meninggal.

Namun, ia bukan salah adik kerana perasaan itu datang secara semula jadi. Memanglah, selepas sekian lama hubungan kekeluargaan itu terjalin dan kasih sayang ayah tidak pernah berbelah bagi, tiba-tiba ada ibu tiri.

Adik nyata suka hubungan yang terjalin hanya di antara ahli keluarga dan tidak mahu ia diganggu orang lain. Adik juga seolah-oleh sudah membina sebuah dinding tebal yang tidak membenarkan orang lain memasuki hubungan itu.

Perasaan itu sesuatu yang normal kerana adik amat menyayangi ayah. Masalah ini bermula apabila ayah membawa orang luar ke dalam keluarga. Orang luar yang kemudian menjadi seorang yang sangat penting dalam kehidupan ayah adik iaitu isteri. Hal itu menyebabkan adik berasa seperti ayah tidak menyayangi dan mempedulikan adik dan anak lain.

Manusia sentiasa berubah. Perubahan itu ada kalanya menggembirakan dan ada kalanya penuh dengan duka. Ayah adik seperti lelaki normal lain, memerlukan teman untuk memenuhi tuntutan kehidupan emosi dan biologikal.

Selepas bertahun-tahun memenuhi keinginan dan tanggungjawab kepada adik dan keluarga, sudah tiba masanya ayah memikirkan apa yang diingini dalam hidupnya.

Mungkin ayah adik berfikiran dengan berkahwin lagi, dia dapat menjalankan tanggungjawabnya menjaga keluarga dengan lebih baik. Kasih sayang ayah terhadap adik dan keluarga tidak berubah. Ia tetap utuh.

Apa yang berubah ialah keinginan ayah untuk memenuhi tuntutan emosi dan batinnya. Tidak semestinya, apabila kita menyayangi seseorang, kita tidak boleh menyayangi orang lain.

Banyak bentuk kasih sayang yang wujud. Mungkin kasih sayang ayah terhadap adik ialah kasih sayang seorang bapa kepada anak. Kasih sayang ayah adik kepada isteri barunya ialah kasih sayang seorang suami kepada isteri.

Adik boleh bertanya kepada ayah kenapa dia berkahwin dengan ibu tiri. Banyak persoalan yang boleh diselesaikan dengan bertanya secara berterus terang. Dengan bertanya, adik mungkin boleh melihat satu perspektif baru mengapa ayah berkahwin lain.

Keinginan untuk pulang ke rumah menjenguk ayah cukup membuktikan bahawa adik amat menyayanginya. Pulanglah dan jernihkan kembali hubungan dengan keluarga.

Sukar tunai hasrat ayah

? Saya pelajar yang bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini. Pencapaian saya sederhana dalam pelajaran.

Melihat kepada kemampuan diri, saya tidak menaruh harapan besar menjejakkan kaki di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Untuk itu, saya merencana masa depan untuk memasuki institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Bagaimanapun, perancangan saya ini mendapat tentangan ayah dengan alasan yuran pembelajaran lebih murah.

Saya bukan mahu membangkang tapi tahu tahap kemampuan saya dan tidak mahu menyusahkan keluarga yang hanya mempunyai pendapatan sederhana.

Saya tahu skim pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tersedia tetapi tidak tahu adakah ia boleh membantu saya?

Bolehkah saya berada di IPTS kelak dengan pendapatan keluarga tidak seberapa dan keputusan yang mungkin tidak layak untuk ke IPTA?

Saya teringin menyambung pelajaran di sebuah kolej pilihan dalam bidang seni kulinari.

DILEMA,
Pahang.

! Hari ini, pilihan untuk belajar di mana-mana institusi terbuka luas selain turut bergantung pada kelayakan masuk, kursus dipohon dan minat.

Belajar di mana-manapun pastinya memerlukan perbelanjaan dan kerana itu bantuan seperti PTPTN disediakan bagi mereka yang layak untuk memohon.

Kecenderungan adik untuk belajar di kolej pilihan tidak salah namun masalah kewangan juga perlu diambil kira.

Jika PTPTN tidak mencukupi, mungkin adik boleh mencari sumber kewangan sampingan seperti bekerja sambilan pada waktu cuti. Namun adik perlu pastikan ia tidak akan mengganggu pembelajaran.

Dr gembira kerana adik mempunyai minat tinggi untuk melanjutkan pengajian kerana ilmu sangat penting dalam kehidupan.

Masalah kewangan tidak sepatutnya menghalang adik untuk meneruskan pengajian. Adik boleh bertanya kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar tempat adik belajar nanti untuk bertanya cara menampung pembiayaan pengajian.

Mengenai ayah, bawalah berbincang dengannya. Terangkan mengenai minat, kecenderungan serta peluang pekerjaan yang boleh diperoleh berdasarkan bidang pengajian yang ingin adik ikuti.

Dr yakin jika adik terangkan dengan penuh pengertian, ayah adik akan mengerti sekali gus memberikan sokongan tidak berbelah bahagi.